



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# “KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN  
16 SEPTEMBER 2024

# YES! Rock the School, inisiatif tangani isu guna tenaga tidak sepadan

**Nibong Tebal:** Seramai 550 pelajar dan 150 guru dari 34 sekolah di Pulau Pinang menyertai program YES! Rock the School bertujuan meningkatkan minat terhadap pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Program anjuran Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM) itu juga bertujuan melengkapkan pelajar dengan wawasan serta pengetahuan semasa industri terutamanya dalam sektor berteknologi tinggi.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata sejak pandemik COVID-19 negara masih dibelenggu isu guna tenaga tidak sepadan dengan kemahiran dalam kalangan graduan tempatan.

Katanya, berdasarkan statistik suku tahun kedua 2024, kadar guna tenaga tidak sepadan berada pada tahap 37 peratus berbanding 32.8 peratus pada suku tahun kedua 2019.

“Jika dibiarkan tidak musta-

hil, perkara ini (guna tenaga tidak sepadan dengan kemahiran) boleh menjadi barah dalam negara untuk jangka masa panjang.

“Ini kerana, bakat yang sepatutnya berada dalam industri dengan kemahiran STEM dan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) atau universiti tidak berada di tempat sewajarnya.

“Kebanyakan mereka tidak mempunyai maklumat dan kemahiran yang khusus untuk membantu transisi pengajian ke pekerjaan seperti kemahiran insaniah dan sebagainya,” katanya ketika hadir pada perasmian program itu di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Steven berkata, negara boleh mengalami penurunan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara satu hingga 1.5 peratus atau sekitar dolar Amerika Syarikat AS\$4.2 bilion (RM18 bilion) hingga AS\$6.3 bilion (RM27 bilion) dalam output ekonomi setiap tahun.



Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak diiringi Steven (dua dari kiri) melakukan simbolik pelancaran pada majlis YES! Rock the School Mega Pulau Pinang 2024 di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), Transkrian.

(Foto Danial Saad/BH)



KEMENTERIAN  
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Harian Metro
Tarikh	16 September 2024
Ruang	Lokal
Muka Surat	2

Harian

# Metro

Oleh Skuad Khas  
Harian Metro  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Tenaga Kerja Se-menanjung Malaysia (JTKSM) menyarankan kepada pekerja Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) yang tidak menerima gaji dan diabaikan kebaikan tampil membuat laporan dan aduan.

JTKSM berkata, siasatan lanjut dapat dijalankan selepas laporan dan aduan diterima pihaknya berhubung dakaun tidak menerima pembayaran gaji.

"Setakat ini kita hanya terima satu kes sahaja membabitkan GISBH yang

## KES PEKERJA GISBH DIABAIKAN KEBAJIKAN

# Tampil buat laporan jika tak dibayar gaji

mana selepas pekerja terbabit hadir membuat aduan, kami menjalankan siasatan dan mengarahkan majikan membayar sejumlah gaji tidak dibayar.

"Sehubungan itu, kita menyarankan kepada pekerja syarikat terbabit jika mereka tidak menerima bayaran gaji boleh tampil membuat laporan dan aduan dijalankan," kata-

nya kepada Harian Metro, semalam.

Pada 8 September lalu, Mahkamah Buruh di Johor memerintahkan GISBH membayar RM23,100 kepada bekas pekerjanya yang tidak dibayar gaji sepanjang bekerja dengan mereka.

Harian Metro dan Metro Ahad mendedahkan pekerja syarikat terbabit ti-

dak dibayar gaji, tiada caruman wang simpanan pekerja dan hanya menyediakan tempat tinggal serta makan minum untuk keluarga.

Itu tindakan didakwa dilakukan GISBH yang giat mempromosikan produk barang Islam sedangkan hakikatnya sedang 'memrah' pihak lain untuk tujuan tertentu.

Lebih mengejutkan apabila syarikat berkenaan memperoleh pendapatan bulanan dianggarkan lebih RM2 juta setiap bulan hasil 'bayaran mahar' daripada zon yang sudah dibahagikan.

Sebelum ini, Harian Metro sejak 7 September lalu secara eksklusif melaporkan rumah kebajikan dikendalikan syarikat itu

yang melakukan penderaan, salah laku seksual dan eksloitasi kanak-kanak.

Ia turut mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, kementeriannya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyelamatkan kanak-kanak terancam dan perlukan perlindungan.

Susulan itu, polis menyelamatkan 402 kanak-kanak berusia antara satu hingga 17 tahun yang diperdayai diexploitasi di 20 rumah kebajikan di Selangor dan Negeri Sembilan dalam satu operasi khas, Op Global.